

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RPG 432 Rekabentuk Bandar

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan sahaja.

1. Penempatan manusia secara fizikal telah dipengaruhi oleh unsur-unsur politik, kebudayaan, ekonomi dan kepercayaan agama. Pengaruh ini yang dikenali sebagai teori normatif telah memberi corak tertentu dalam pembentukan bandar/bandaraya.

Pilih salah satu tamaddun (dari zaman pra-sejarah hingga ke zaman industri) dan bincangkan pembentukan bandar/bandaraya zaman tersebut berdasar kepada teori normatif.

(50 markah)

2. Tiga orang penulis Rekabentuk Bandar iaitu Roger Trancik, Kevin Lynch dan Hamid Shirvani telah mengemukakan beberapa teori tentang ruang luar di bandar dan bandaraya. Kesemua penulis ini mempunyai corak yang berbeza di dalam penulisan mereka walaupun mempunyai objektif yang sama tentang pengindahan ruang luar di bandar/bandaraya.

Teori penyambung (linkage theory) menjadi asas perbincangan dan dianggap sebagai satu faktor yang penting untuk memberi 'nyawa' (life) kepada bandar/bandaraya. Bincangkan faktor tersebut berdasar kepada teori yang dikemukakan oleh tiga penulis tadi.

(50 markah)

...2/-

3. "Bandaraya Taman" (Garden City) telah menjadi sumber ilham dalam pembangunan bandar baru di dalam dan di luar negeri.

Dengan mengambil contoh dari sebuah bandar baru di dalam atau sebuah bandar baru di dalam atau di luar negeri, bincangkan konsep "Bandaraya Taman".

Adakah konsep yang diamalkan itu berjaya atau sebaliknya?

(50 markah)

4. Pembangunan strategi adalah salah satu langkah yang berkesan dalam proses implementasi perancangan atau Rekabentuk Bandar bagi sesuatu kawasan.

Beberapaa kawasan di bandaraya Asia Tenggara seperti Tanjung Tokong sehingga Teluk Bahang, Pulau Pinang, Ratmakan, Jogjakarta, Indonesia dan Tha Prachan - Bangkok - Thailand, adalah contoh kajian kes di dalam keseimbangan pembangunan dan pemeliharaan.

Pilih salah satu kawasan ini dan bincangkan konsep pembangunan dan pemeliharaan berdasar kepada pembangunan strategi.

(50 markah)

- oooOoooo -